



23 Disember 2016
23 December 2016
P.U. (A) 355

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PERTUKARAN
AUTOMATIK MAKLUMAT AKAUN KEWANGAN) 2016

*INCOME TAX (AUTOMATIC EXCHANGE OF FINANCIAL
ACCOUNT INFORMATION) RULES 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PERTUKARAN AUTOMATIK MAKLUMAT
AKAUN KEWANGAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(c) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pemakaian

2. (1) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa untuk dan berkaitan dengan pelaksanaan Standard bagi maksud menguatkuasakan Perkiraan.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi Institusi Kewangan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen VIII Standard.

Tafsiran

3. (1) Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“Institusi Kewangan Pelapor” ertinya mana-mana Institusi Kewangan yang bermastautin di Malaysia (kecuali mana-mana cawangan Institusi Kewangan tersebut yang terletak di luar Malaysia) dan mana-mana cawangan suatu Institusi Kewangan yang tidak bermastautin di Malaysia jika cawangan itu terletak di Malaysia;

“Perkiraan” ertinya—

(a) Konvensyen mengenai Bantuan Tadbir Bersama dalam Perkara Cukai;

- (b) Perjanjian Multilateral Pihak Berkuasa Berwibawa bagi Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan; dan
- (c) apa-apa perkiraan dengan wilayah bidang kuasa yang menyertai untuk menambah baik pematuhan cukai antarabangsa melalui —
 - (i) apa-apa konvensyen cukai dua hala atau pelbagai hala;
 - (ii) apa-apa perjanjian pihak berkuasa berwibawa dua hala atau pelbagai hala; atau
 - (iii) apa-apa perjanjian pertukaran maklumat percukaian;

“Standard” ertinya Standard Pelaporan Bersama (yang termasuk Ulasan) yang diluluskan oleh Majlis Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi pada 15 Julai 2014, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

(2) Perkataan dan ungkapan yang tidak ditakrifkan dalam Kaedah-Kaedah ini hendaklah mempunyai pengertian yang sama dengan pengertian yang diberikan kepadanya dalam Standard.

Kewajipan usaha wajar

4. (1) Setiap Institusi Kewangan Pelapor yang bukan suatu Institusi Kewangan Bukan Pelapor hendaklah mengenal pasti Akaun Kena Lapor daripada Akaun Kewangan yang disenggara oleh Institusi Kewangan Pelapor itu dengan mengguna pakai tatacara usaha wajar sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen II hingga VII Standard.

(2) Suatu Institusi Kewangan Bukan Pelapor yang disebut dalam subkaedah (1) ialah—

- (a) suatu Entiti Kerajaan, Pertubuhan Antarabangsa atau Bank Negara, selain berkenaan dengan suatu bayaran yang diperolehi daripada suatu tanggungan yang dipegang berkaitan dengan suatu aktiviti

kewangan komersial yang dijalankan oleh suatu Syarikat Insurans yang Ditetapkan, Institusi Kawalan, atau Institusi Depositori;

- (b) suatu Kumpulan Wang Persaraan Berpenyertaan Luas, suatu Kumpulan Wang Persaraan Berpenyertaan Terhad, Kumpulan Wang Persaraan Entiti Kerajaan, Pertubuhan Antarabangsa atau Bank Negara;
- (c) suatu Pengeluar Kad Kredit Berkelayakan yang memenuhi kehendak yang berikut:
 - (i) Institusi Kewangan itu ialah Institusi Kewangan semata-mata kerana ia adalah pengeluar kad kredit yang menerima deposit sahaja apabila pelanggan membuat bayaran melebihi baki yang kena dibayar berkenaan dengan kad itu dan lebihan bayaran tidak dikembalikan kepada pelanggan serta-merta; dan
 - (ii) mulai atau sebelum 1 Julai 2017, Institusi Kewangan itu melaksanakan polisi dan tatacara yang sama ada menghalang pelanggan daripada membuat lebihan bayaran melebihi USD50,000.00, atau untuk memastikan mana-mana lebihan bayaran pelanggan melebihi USD50,000.00 dikembalikan kepada pelanggan dalam masa enam puluh hari, dalam setiap keadaan dengan mengguna pakai peraturan yang dinyatakan dalam perenggan C Seksyen VII Standard untuk pengagregatan akaun dan terjemahan mata wang. Bagi maksud ini, lebihan bayaran pelanggan bukan merujuk kepada baki kredit sehingga tahap caj yang dipertikaikan tetapi adalah termasuk baki kredit yang terhasil daripada pulangan dagangan;

- (d) apa-apa Entiti lain yang mempunyai risiko yang rendah untuk digunakan untuk pelarian cukai, yang sebahagian besarnya mempunyai persamaan ciri dengan mana-mana Entiti yang diperihalkan dalam perenggan (a), (b) dan (c) dan ditentukan dalam undang-undang domestik sebagai Institusi Kewangan Bukan Pelapor, dengan syarat status Entiti itu sebagai Institusi Kewangan Bukan Pelapor tidak mengecewakan tujuan Standard;
- (e) suatu Jentera Pelaburan Kolektif yang Dikecualikan; atau
- (f) suatu amanah setakat yang pemegang amanah bagi amanah itu adalah suatu Institusi Kewangan Pelapor dan melaporkan semua maklumat yang perlu dilaporkan menurut Seksyen I Standard berkenaan dengan semua Akaun Kena Lapor bagi amanah itu.

(3) Setiap Institusi Kewangan Pelapor hendaklah mewujudkan, mengekalkan dan mendokumenkan tatacara usaha wajar yang disebut dalam subkaedah (1).

(4) Akaun Kewangan yang disebut dalam subkaedah (1) tidak termasuk apa-apa Akaun Dikecualikan sebagaimana yang ditakrifkan dalam subperenggan C(17)(a) hingga (g) Seksyen VIII Standard.

(5) Dalam mengguna pakai tatacara usaha wajar, tarikh berkaitan bagi maksud peruntukan Standard yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual ialah tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual.

(6) Bagi maksud subperenggan C(6) Seksyen III Standard dan perenggan A dan B dan subperenggan E(2) Seksyen V Standard tempoh yang berikut hendaklah dikira sebagai tahun kalendar yang berasingan:

(a) 1 Januari 2017 hingga 30 Jun 2017; dan

(b) 1 Julai 2017 hingga 31 Disember 2017.

(7) Sesuatu akaun dianggap sebagai Akaun Kena Lapor bermula dari tarikh ia dikenal pasti menurut tatacara usaha wajar yang diperihalkan dalam Seksyen II hingga VII Standard dan, maklumat berkaitan dengan Akaun Kena Lapor hendaklah dilaporkan setiap tahun dalam tahun kalendar berikutan tahun yang berhubungan dengan maklumat itu.

(8) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, suatu akaun dengan baki atau nilai yang negatif disifatkan mempunyai baki atau nilai yang sama dengan kosong.

(9) Dalam menentukan baki atau nilai bagi akaun yang disebut dalam mata wang selain dolar Amerika Syarikat bagi maksud Standard dan Kaedah-Kaedah ini, institusi itu hendaklah menukar nilai ambang dolar Amerika Syarikat yang berkaitan yang diperihalkan dalam Standard atau dalam Kaedah-Kaedah ini kepada mata wang lain dengan rujukan kepada kadar pertukaran lani pada tarikh institusi itu menentukan nilai ambang itu.

(10) Bagi maksud Standard dan Kaedah-Kaedah ini, suatu Akaun Kewangan yang dipegang oleh seseorang individu sebagai rakan kongsi dalam sebuah perkongsian disifatkan sebagai suatu akaun entiti.

Pengubahsuaian tatacara usaha wajar

5. (1) Suatu Institusi Kewangan Pelapor boleh mengguna pakai, bagi suatu tahun kalendar—

(a) tatacara alamat pemastautin, seperti yang diperihalkan dalam subperenggan B(1) Seksyen III Standard, kepada Akaun Nilai Rendah;

(b) tatacara usaha wajar bagi Akaun Nilai Tinggi seperti yang diperihalkan dalam perenggan C Seksyen III Standard, kepada Akaun Nilai Rendah; atau

(c) perenggan A hingga C Seksyen V Standard bagi menentukan sama ada suatu Akaun Entiti Sedia Ada tertakluk kepada tatacara usaha wajar yang diperihalkan dalam Seksyen V Standard.

(2) Tertakluk kepada subkaedah (3) dan (4), suatu Institusi Kewangan Pelapor boleh mengguna pakai, bagi suatu tahun kalendar, tatacara usaha wajar bagi suatu Akaun Baharu, yang diperihalkan dalam Seksyen IV atau VI Standard, kepada suatu Akaun Sedia Ada.

(3) Jika suatu Institusi Kewangan Pelapor mengguna pakai tatacara usaha wajar bagi suatu Akaun Baharu kepada suatu Akaun Sedia Ada, tatacara yang diperihalkan dalam perenggan C Seksyen I, perenggan A Seksyen III, subperenggan B(1) Seksyen III dan perenggan A Seksyen V Standard hendaklah terpakai bagi Akaun Baharu itu.

(4) Suatu Institusi Kewangan Pelapor tidak boleh mengguna pakai tatacara usaha wajar bagi suatu Akaun Baharu kepada Akaun Sedia Ada melainkan institusi itu mengguna pakai tatacara itu bagi semua Akaun Sedia Ada yang disenggara olehnya atau kumpulan Akaun Sedia Ada yang dikenal pasti dengan jelas.

(5) Berkenaan dengan Akaun Entiti Baharu, bagi maksud menentukan sama ada orang yang mengawal entiti bukan kewangan pasif merupakan Orang Kena Laporan, suatu Institusi Kewangan Pelapor hanya boleh bergantung kepada perakuan sendiri sama ada daripada pemegang akaun atau orang yang mengawal.

(6) Bagi maksud kaedah 4, Institusi Kewangan Pelapor boleh—

(a) menganggap suatu Akaun Kewangan yang dipegang oleh benefisiari individu suatu Kontrak Insurans Nilai Tunai atau Kontrak Anuiti sebagai selain suatu Akaun Kena Laporan dalam keadaan yang diperihalkan dalam perenggan B Seksyen VII Standard; dan

(b) menganggap suatu Akaun Kewangan yang merupakan kepentingan ahli dalam suatu Kontrak Insurans Nilai Tunai Berkumpulan atau Kontrak Anuiti Berkumpulan sebagai suatu Akaun Kewangan yang bukan merupakan Akaun Kena Laporan sehingga tarikh yang suatu amaun kena dibayar kepada pekerja, pemegang perakuan atau benefisiari, sekiranya Akaun Kewangan itu memenuhi kriteria yang berikut:

(i) Kontrak Insurans Nilai Tunai Berkumpulan atau Kontrak Anuiti Berkumpulan itu dikeluarkan kepada majikan dan merangkumi dua puluh lima orang atau lebih pekerja atau pemegang perakuan;

(ii) pekerja atau pemegang perakuan layak untuk menerima apa-apa nilai kontrak yang berkaitan dengan kepentingannya dan menamakan benefisiari untuk manfaat yang kena dibayar apabila berlaku kematian pekerja; dan

(iii) amaun agregat yang kena dibayar kepada mana-mana pekerja, pemegang sijil atau benefisiari tidak melebihi USD1,000,000.00.

(7) Dalam kaedah ini—

“Akaun Nilai Tinggi” ertinya suatu Akaun Individu Sedia Ada dengan agregat baki atau nilai yang melebihi USD1,000,000.00 pada 30 Jun 2017, 31 Disember 2017 atau 31 Disember mana-mana tahun berikutnya;

“Akaun Nilai Rendah” ertinya suatu Akaun Individu Sedia Ada, yang bukan suatu Akaun Nilai Tinggi, dengan agregat baki atau nilai yang tidak melebihi USD1,000,000.00 pada 30 Jun 2017;

“Akaun Baharu” ertinya suatu Akaun Kewangan yang disenggara oleh Institusi Kewangan Pelapor yang dibuka pada atau selepas 1 Julai 2017, melainkan jika ia dianggap sebagai Akaun Sedia Ada di bawah perenggan (b) takrif “Akaun Sedia Ada”;

“Akaun Sedia Ada” ertinya—

- (a) suatu Akaun Kewangan yang disenggara oleh Institusi Kewangan Pelapor setakat 30 Jun 2017; atau
- (b) mana-mana Akaun Kewangan bagi seorang pemegang akaun, tanpa mengambil kira tarikh Akaun Kewangan itu dibuka sekiranya—
 - (i) pemegang akaun itu turut memegang Akaun Kewangan yang merupakan suatu Akaun Sedia Ada dengan Institusi Kewangan Pelapor (atau dengan suatu Entiti Berkaitan dalam wilayah bidang kuasa yang sama dengan Institusi Kewangan Pelapor itu) di bawah perenggan (a) takrif ini;
 - (ii) Institusi Kewangan Pelapor itu (dan, jika berkenaan, Entiti Berkaitan di bawah wilayah bidang kuasa yang sama seperti Institusi Kewangan Pelapor) menganggap kedua-dua Akaun Kewangan yang disebut sebelum ini, dan mana-mana Akaun Kewangan lain pemegang akaun itu yang dianggap sebagai Akaun Sedia Ada di bawah perenggan ini sebagai Akaun Kewangan tunggal bagi maksud memenuhi kehendak standard pengetahuan yang dinyatakan dalam perenggan A Seksyen VII Standard, dan bagi maksud menentukan baki atau nilai mana-mana Akaun Kewangan itu apabila mengguna pakai mana-mana nilai ambang akaun;
 - (iii) berkenaan dengan suatu Akaun Kewangan yang tertakluk kepada tatacara AML/KYC, Institusi Kewangan Pelapor dibenarkan untuk memenuhi tatacara AML/KYC itu bagi Akaun Kewangan dengan berpandukan tatacara AML/KYC yang dilaksanakan bagi Akaun Sedia Ada yang diperihalkan dalam perenggan (a) takrif ini; dan

- (iv) pembukaan Akaun Kewangan itu tidak menghendaki pengemukaan maklumat baharu, tambahan atau pindaan bagi pelanggan oleh pemegang akaun selain bagi maksud Standard;

“Kontrak Anuiti Kumpulan” ertinya suatu Kontrak Anuiti yang penerima obligasinya ialah individu yang bergabung melalui seseorang majikan, suatu persatuan sekerja atau kesatuan buruh, atau persatuan atau kumpulan lain;

“Kontrak Insurans Nilai Tunai Berkumpulan” ertinya Kontrak Insurans Nilai Tunai yang—

- (a) menyediakan perlindungan ke atas individu yang bergabung melalui seseorang majikan, suatu persatuan sekerja atau kesatuan buruh, atau persatuan atau kumpulan lain; dan
- (b) mengenakan premium ke atas setiap anggota kumpulan (atau anggota bagi suatu golongan dalam kumpulan itu) yang ditentukan tanpa mengambil kira ciri-ciri kesihatan individu selain umur, jantina dan tabiat merokok anggota (atau golongan anggota) kumpulan itu.

Entiti Berkaitan

6. (1) Bagi maksud kehendak pelaporan am dalam Seksyen I Standard dan pemakaian tatacara usaha wajar yang diperihalkan dalam Seksyen II hingga VII Standard, suatu Entiti ialah “Entiti Berkaitan” bagi suatu Entiti lain sekiranya—

- (a) salah satu Entiti mengawal Entiti yang satu lagi;
- (b) kedua-dua Entiti di bawah kawalan yang sama; atau
- (c) kedua-dua Entiti adalah Entiti Pelaburan yang diperihalkan dalam subperenggan A(6)(b) Seksyen VIII Standard, adalah di bawah pengurusan yang sama, dan pengurusan itu memenuhi kewajipan usaha wajar Entiti Pelaburan itu.

(2) Kawalan yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (b) adalah termasuk pemilikan langsung atau tidak langsung lebih daripada lima puluh peratus undi dan nilai sesuatu Entiti.

Kewajipan pelaporan

7. (1) Suatu Institusi Kewangan Pelapor hendaklah, berkenaan dengan tahun kalendar 2017 dan setiap tahun kalendar yang berikutnya, mengemukakan penyata maklumat kepada Ketua Pengarah pada atau sebelum 30 Jun tahun berikutan tahun kalendar yang berhubungan dengan penyata itu dengan menyatakan maklumat yang perlu dilaporkan sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan A dan B Seksyen I Standard, tertakluk kepada perenggan C hingga E dalam Seksyen I Standard, berhubung dengan setiap Akaun Kewangan yang dikenal pasti sebagai Akaun Kena Lapor yang disenggara oleh Institusi Kewangan Pelapor pada bila-bila masa dalam suatu tahun kalendar.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), setiap Institusi Kewangan Pelapor hendaklah melaporkan baki atau nilai akaun, termasuk, dalam hal Kontrak Insurans Nilai Tunai atau Kontrak Anuiti, Nilai Tunai atau nilai penyerahan, setakat akhir tahun kalendar yang berkenaan atau, jika akaun itu ditutup pada tahun itu, setakat penutupan akaun itu berkenaan dengan setiap Akaun Kena Lapor yang disenggara oleh Institusi Kewangan Pelapor itu.

(3) Sekiranya suatu Institusi Kewangan Pelapor mengguna pakai tatacara usaha wajar yang diperihalkan dalam kaedah 4 bagi suatu tahun kalendar dan tiada akaun yang ditentukan sebagai Akaun Kena Lapor, Institusi Kewangan Pelapor itu hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata maklumat yang menyatakan bahawa Institusi Kewangan Pelapor itu tidak menyenggara Akaun Kena Lapor berkenaan dengan tahun itu.

(4) Suatu penyata maklumat hendaklah dikemukakan dengan menggunakan medium elektronik atau melalui transmisi elektronik dalam format yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(5) Sesuatu Institusi Kewangan Pelapor tidak dikecualikan daripada mengemukakan maklumat sebagaimana yang dikehendaki di bawah Kaedah-Kaedah ini atas alasan Institusi Kewangan Pelapor itu mempunyai kewajipan untuk tidak mengumpul, menggunakan atau mendedahkan maklumat itu, sama ada dikenakan oleh undang-undang bertulis, rukun undang-undang, apa-apa kontrak atau apa-apa kaedah bagi tatacara tatatertib professional, berkenaan dengan maklumat itu.

(6) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, segala maklumat yang diberikan atau diperoleh di bawah Kaedah-Kaedah ini boleh digunakan oleh Ketua Pengarah bagi apa-apa tujuan yang berkaitan dengan pentadbiran Akta dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*].

Rekod

8. (1) Setiap Institusi Kewangan Pelapor hendaklah menyimpan dan mengekalkan dalam jagaan selamat rekod yang diperoleh atau diwujudkan oleh Institusi Kewangan Pelapor itu bagi maksud mematuhi Kaedah-Kaedah ini, termasuklah perakuan sendiri dan rekod keterangan dokumen.

(2) Setiap Institusi Kewangan Pelapor yang dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah ini untuk menyimpan dan mengekalkan dalam jagaan selamat rekod dan berbuat demikian secara elektronik hendaklah mengekalkan rekod itu dalam format elektronik yang boleh dibaca bagi tempoh pegangan yang disebut dalam subkaedah (4).

(3) Setiap Institusi Kewangan Pelapor yang memperoleh atau mewujudkan rekod dalam bahasa selain bahasa Inggeris hendaklah, atas permintaan Ketua Pengarah, menyediakan terjemahan dalam bahasa Inggeris.

(4) Setiap Institusi Kewangan Pelapor yang dikehendaki untuk menyimpan dan mengekalkan dalam jagaan selamat rekod yang diperoleh atau diwujudkan oleh Institusi Kewangan Pelapor itu di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah mengekalkan rekod itu bagi tempoh sekurang-kurangnya tujuh tahun selepas—

- (a) dalam hal perakuan sendiri, hari terakhir Akaun Kewangan yang berkaitan dibuka; dan
- (b) dalam mana-mana hal lain, hujung tahun kalendar yang terakhir yang rekod itu adalah berkaitan.

Penyedia perkhidmatan

9. (1) Suatu Institusi Kewangan Pelapor boleh melantik pihak ketiga sebagai agennya untuk menjalankan tugas dan kewajipan yang dikenakan terhadapnya di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Jika pihak ketiga dilantik oleh suatu Institusi Kewangan Pelapor mengikut subkaedah (1)—

- (a) Institusi Kewangan Pelapor itu hendaklah, pada setiap masa, mempunyai akses kepada dan boleh mengemukakan, jika dikehendaki oleh Ketua Pengarah untuk berbuat demikian, rekod dan keterangan dokumen yang digunakan untuk mengenal pasti dan melaporkan Akaun Kena Laporan; dan
- (b) Institusi Kewangan Pelapor itu adalah bertanggungjawab ke atas apa-apa kegagalan pihak ketiga itu untuk menjalankan kewajipan Institusi Kewangan Pelapor itu dan kaedah 10 dan 11 hendaklah terpakai bagi Institusi Kewangan Pelapor itu walaupun—
 - (i) tindakan itu adalah tindakan pihak ketiga itu; atau
 - (ii) kegagalan untuk bertindak adalah kegagalan oleh pihak ketiga itu untuk bertindak.

Kuasa Ketua Pengarah

10. (1) Ketua Pengarah boleh menjalankan semua kuasa yang terletak hak padanya di bawah Akta untuk mentadbir dan menguatkuasakan pematuhan peruntukan Perkiraan dan Kaedah-Kaedah ini.

(2) Ketua Pengarah boleh, melalui notis, menghendaki suatu Institusi Kewangan mengemukakan kepadanya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu maklumat termasuk salinan mana-mana buku, rekod atau dokumen lain yang berkaitan sebagaimana yang Ketua Pengarah kehendaki secara munasabah bagi apa-apa maksud yang berhubungan dengan pentadbiran atau penguatkuasaan Kaedah-Kaedah ini.

(3) Ketua Pengarah boleh pada setiap masa mempunyai akses penuh dan bebas untuk memasuki mana-mana premis atau tempat perniagaan suatu Institusi Kewangan bagi maksud—

- (a) mentadbir dan melaksanakan pematuhan kepada peruntukan Perkiraan dan Kaedah-Kaedah ini; dan
- (b) memeriksa tatacara yang dilaksanakan oleh Institusi Kewangan bagi maksud memastikan pematuhan kepada kewajipan Institusi Kewangan itu di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(4) Ketua Pengarah boleh membuat cabutan daripada atau salinan bagi semua atau apa-apa bahagian buku, rekod atau dokumen lain atau bahan lain yang dijadikan tersedia kepadanya atau menghendaki salinan buku, rekod, atau dokumen lain dijadikan tersedia kepadanya bagi apa-apa maksud yang berhubungan dengan pentadbiran atau penguatkuasaan Kaedah-Kaedah ini.

Antipengelakan

11. Sekiranya Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang telah membuat apa-apa perkiraan atau terlibat dalam suatu amalan yang mempunyai kesan langsung atau tidak langsung yang—

- (a) melepaskan mana-mana orang daripada apa-apa liabiliti yang timbul atau sepatutnya timbul untuk mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata maklumat;
- (b) melarikan diri atau mengelak daripada apa-apa kewajipan yang dikenakan atau sepatutnya dikenakan ke atas mana-mana orang di bawah Kaedah-Kaedah ini; atau
- (c) menghalang atau mencegah pelaksanaan Kaedah-Kaedah ini dalam apa-apa jua cara,

Ketua Pengarah boleh, tanpa menjejaskan kesahannya dalam apa-apa keadaan lain bagi apa-apa maksud lain, mengetepikan atau mengubah perkiraan atau amalan itu dan membuat perubahan yang difikirkannya patut dengan tujuan untuk mengurangkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada kesan langsung atau tidak langsung perkiraan atau amalan itu.

Peruntukan khas bagi NFE Pasif

12. (1) Tertakluk kepada subkaedah (3), bagi maksud menentukan bahawa suatu Entiti ialah NFE Pasif dengan satu atau lebih Orang yang Mengawal yang adalah Orang Kena Lapor di bawah subperenggan D(2) Seksyen V dan subperenggan A(2) Seksyen VI Standard, suatu Institusi Kewangan bukan merupakan NFE Pasif sekiranya—

- (a) Institusi Kewangan itu ialah suatu Entiti Pelaburan di bawah subperenggan A(6)(b) Seksyen VIII Standard;
- (b) Institusi Kewangan itu adalah bukan suatu Institusi Kewangan Wilayah Bidang kuasa yang Menyertai; dan
- (c) Institusi Kewangan itu akan menjadi Institusi Kewangan Wilayah Bidang kuasa yang Menyertai sekiranya wilayah bidang kuasa yang diisytiharkan sebagai wilayah bidang kuasa komited

di bawah subkaedah (2) ialah Wilayah Bidang kuasa yang Menyertai.

(2) Ketua Pengarah boleh mengisytiharkan satu atau lebih wilayah bidang kuasa sebagai wilayah bidang kuasa komited melalui senarai yang disiarkan atau apa-apa cara lain yang difikirkannya sesuai.

(3) Bagi maksud subkaedah (1), suatu Institusi Kewangan bukan merupakan NFE Pasif bagi tahun 2017 ke 2019.

JADUAL
[Subkaedah 4(5)]

| <i>Butiran</i> (1) | <i>Peruntukan Standard</i> (2) | <i>Tarikh berkaitan</i> (3) |
|-----------------------|---|--------------------------------|
| 1. | Subperenggan C(6) Seksyen III | 30 Jun 2017 |
| 2. | Perenggan D Seksyen III: (a) berhubung dengan suatu Akaun Individu Sedia Ada yang merupakan Akaun Nilai Tinggi (b) berhubung dengan suatu Akaun Individu Sedia Ada yang merupakan Akaun Nilai Rendah | 30 Jun 2018 30 Jun 2019 |
| 3. | Perenggan A Seksyen V | 30 Jun 2017 |
| 4. | Perenggan B Seksyen V: (a) berhubung dengan suatu Akaun Entiti Sedia Ada yang mempunyai agregat baki atau nilai akaun yang melebihi USD250,000.00 (b) berhubung dengan suatu Akaun Entiti Sedia Ada yang tidak melebihi USD250,000.00 | 30 Jun 2017 30 Jun 2017 |

| <i>Butiran</i> (1) | <i>Peruntukan Standard</i> (2) | <i>Tarikh berkaitan</i> (3) |
|-----------------------|--|--|
| 5. | Subperenggan E(1) Seksyen V (a) berhubung dengan suatu Akaun Entiti Sedia Ada dengan agregat baki atau nilai akaun yang melebihi USD250,000.00 (b) tarikh siap kajian semula | 30 Jun 2017 30 Jun 2019 |
| 6. | Subperenggan E(2) Seksyen V | 30 Jun 2017 |
| 7. | Subperenggan B(9)(a) Seksyen VIII | 1 Januari 2017 |
| 8. | Subperenggan B(9)(d) Seksyen VIII | 1 Januari 2018 |
| 9. | Subperenggan C(17)(f)(ii) Seksyen VIII | 1 Julai 2017 |

Dibuat 19 Disember 2016

[Perb.0.6869/47(S).14)(SK.3)(3); LHDN.01/10.5-1/61-11; PN(PU2)80/LXXXV]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (AUTOMATIC EXCHANGE OF FINANCIAL ACCOUNT INFORMATION)
RULES 2016

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(c) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Automatic Exchange of Financial Account Information) Rules 2016**.

(2) These Rules come into operation on 1 January 2017.

Application

2. (1) These Rules shall have effect for and in connection with the implementation of the Standard for the purpose of giving effect to the Arrangements.

(2) These Rules shall apply to a Financial Institution as defined under Section VIII of the Standard.

Interpretation

3. (1) In these Rules—

“Reporting Financial Institution” means any Financial Institution that is resident in Malaysia (excluding any branch of that Financial Institution that is located outside of Malaysia) and any branch of a Financial Institution that is not resident in Malaysia if that branch is located in Malaysia;

“Arrangements” means—

(a) the Convention on Mutual Administrative Assistance in Tax Matters;

- (b) the Multilateral Competent Authority Agreement on Automatic Exchange of Financial Account Information; and
- (c) any arrangements with participating jurisdictions to improve international tax compliance through—
 - (i) any bilateral or multilateral tax convention;
 - (ii) any bilateral or multilateral competent authority agreements; or
 - (iii) any tax information exchange agreement;

“Standard” means the Common Reporting Standard (which includes Commentaries) approved by the Council of the Organisation for Economic Co-operation and Development on 15 July 2014, as amended from time to time.

(2) Words and expressions which are not defined in these Rules shall have the same meaning as assigned to them in the Standard.

Due diligence obligations

4. (1) Every Reporting Financial Institution which is not a Non-Reporting Financial Institution shall identify the Reportable Account from the Financial Account maintained by the Reporting Financial Institution by applying the due diligence procedure as specified in Section II to VII of the Standard.

- (2) A Non-Reporting Financial Institution referred to in subrule (1) is—
 - (a) a Governmental Entity, International Organisation or Central Bank, other than with respect to a payment that is derived from an obligation held in connection with a commercial financial activity of a type engaged in by a Specified Insurance Company, Custodial Institution, or Depository Institution;

- (b) a Broad Participation Retirement Fund, a Narrow Participation Retirement Fund, a Pension Fund of a Governmental Entity, International Organisation or Central Bank;
- (c) a Qualified Credit Card Issuer which satisfies the following requirements:

 - (i) the Financial Institution is a Financial Institution solely because it is an issuer of credit cards that accepts deposits only when a customer makes a payment in excess of a balance due with respect to the card and the overpayment is not immediately returned to the customer; and
 - (ii) beginning on or before 1 July 2017, the Financial Institution implements policies and procedures either to prevent a customer from making an overpayment in excess of USD50,000.00, or to ensure that any customer overpayment in excess of USD50,000.00 is refunded to the customer within sixty days, in each case applying the rules set forth in paragraph C of Section VII of the Standard for account aggregation and currency translation. For this purpose, a customer overpayment does not refer to credit balances to the extent of disputed charges but does include credit balances resulting from merchandise returns;
- (d) any other Entity that presents a low risk of being used to evade tax, has substantially similar characteristics to any of the Entities described in paragraphs (a), (b) and (c), and is defined in domestic law as a Non-Reporting Financial Institution, provided that the status of such Entity as a Non-Reporting Financial Institution does not frustrate the purposes of the Standard;
- (e) an Exempt Collective Investment Vehicle; or

(f) a trust to the extent that the trustee of the trust is a Reporting Financial Institution and reports all information required to be reported pursuant to Section I of the Standard with respect to all Reportable Accounts of the trust.

(3) Every Reporting Financial Institution shall establish, maintain and document the due diligence procedure referred to in subrule (1).

(4) The Financial Account referred to in subrule (1) shall not include any Excluded Account as defined in subparagraphs C(17)(a) to (g) Section VIII of the Standard.

(5) In applying the due diligence procedures, the relevant dates for the purposes of the provisions of the Standard specified in column (2) of the Schedule shall be the dates specified in column (3) of the Schedule.

(6) For the purposes of subparagraph C(6) Section III of the Standard and paragraphs A and B and subparagraph E(2) Section V of the Standard the following periods shall be treated as separate calendar year:

(a) 1 January 2017 to 30 June 2017; and

(b) 1 July 2017 to 31 December 2017.

(7) An account is treated as a Reportable Account beginning as of the date it is identified as such pursuant to the due diligence procedures described in Sections II to VII of the Standard and, information in respect of a Reportable Account shall be reported annually in the calendar year following the year to which the information relates.

(8) For the purposes of these Rules, an account with a balance or value that is negative is deemed to have a balance or value equal to nil.

(9) In determining the balance or value of an account denominated in a currency other than United States dollars for the purposes of the Standard and these Rules, the institution shall translate the relevant United States dollars threshold amount described in the Standard or in these Rules into the other currency by reference to the spot rate of exchange on the date for which the institution is determining the threshold amounts.

(10) For the purposes of the Standard and these Rules, a Financial Account held by an individual as a partner of a partnership is deemed to be an entity account.

Modifications to due diligence procedures

5. (1) A Reporting Financial Institution may apply, for a calendar year—
- (a) the residence address procedure, as described in subparagraph B(1) of Section III of the Standard, to a Lower Value Account;
 - (b) the due diligence procedures for a High Value Account, described in paragraph C of Section III of the Standard, to a Lower Value Account; or
 - (c) paragraphs A to C of Section V of the Standard to determine whether a Preexisting Entity Account is subject to the due diligence procedures described in Section V of the Standard.

(2) Subject to subrules (3) and (4), a Reporting Financial Institution may apply, for a calendar year, the due diligence procedures for a New Account, described in Section IV or VI of the Standard, to a Preexisting Account.

(3) Where a Reporting Financial Institution applies the due diligence procedures for a New Account to a Preexisting Account, the procedures described in paragraph C of Section I, paragraph A of Section III, subparagraph B(1) of Section III and paragraph A of Section V of the Standard shall apply to the New Account.

(4) A Reporting Financial Institution shall not apply the due diligence procedures for a New Account to a Preexisting Account unless the institution applies the procedures to all Preexisting Accounts it maintains or a clearly identifiable group of Preexisting Accounts.

(5) With respect to New Entity Accounts, for the purposes of determining whether a controlling person of a passive non-financial entity is a Reportable Person, a Reporting Financial Institution may only rely on a self-certification from either the account holder or the controlling person.

(6) For the purposes of rule 4, a Reporting Financial Institution may—

(a) treat a Financial Account held by individual beneficiaries of a Cash Value Insurance Contract or an Annuity Contract as other than a Reportable Account in the circumstances described in paragraph B of Section VII of the Standard; and

(b) treat a Financial Account that is a member's interest in a Group Cash Value Insurance Contract or Group Annuity Contract as a Financial Account that is not a Reportable Account until the date on which an amount is payable to the employee, certificate holder or beneficiary, if the Financial Account meets the following requirements:

(i) the Group Cash Value Insurance Contract or Group Annuity Contract is issued to an employer and covers twenty-five or more employees or certificate holders;

(ii) the employees or certificate holders are entitled to receive any contract value related to their interest and to name beneficiaries for the benefit payable upon the employee's death; and

- (iii) the aggregate amount payable to any employee, certificate holder or beneficiary does not exceed USD1,000,000.00.

(7) In this rule—

“High Value Account” means a Preexisting Individual Account with an aggregate balance or value that exceeds USD1,000,000.00 as of 30 June 2017, 31 December 2017 or 31 December of any subsequent year;

“Lower Value Account” means a Preexisting Individual Account, which is not a High Value Account, with an aggregate balance or value that does not exceed USD1,000,000.00 as of 30 June 2017;

“New Account” means a Financial Account maintained by a Reporting Financial Institution opened on or after 1 July 2017, unless it is treated as a Preexisting Account under paragraph (b) of the definition of “Preexisting Account”;

“Preexisting Account” means—

- (a) a Financial Account maintained by a Reporting Financial Institution as of 30 June 2017; or
- (b) any Financial Account of an account holder, regardless of the date such Financial Account was opened if—
 - (i) the account holder also holds a Financial Account that is a Preexisting Account with the Reporting Financial Institution (or with a Related Entity within the same jurisdiction as the Reporting Financial Institution) under paragraph (a) of this definition;
 - (ii) the Reporting Financial Institution (and, as applicable, the Related Entity within the same jurisdiction as the Reporting

Financial Institution) treats both the aforementioned Financial Accounts, and any other Financial Accounts of the account holder that are treated as Preexisting Accounts under this paragraph as a single Financial Account for the purposes of satisfying the standards of knowledge requirements set forth in paragraph A of Section VII of the Standard, and for purposes of determining the balance or value of any of the Financial Accounts when applying any of the account thresholds;

- (iii) in respect of a Financial Account that is subject to AML/KYC procedures, the Reporting Financial Institution is permitted to satisfy such AML/KYC procedures for the Financial Account by relying upon the AML/KYC procedures performed for the Preexisting Account described in paragraph (a) of this definition; and
- (iv) the opening of the Financial Account does not require the provision of new, additional or amended customer information by the account holder other than for purposes of the Standard;

"Group Annuity Contract" means an Annuity Contract under which the obligees are individuals who are affiliated through an employer, a trade association or labour union, or other association or group;

"Group Cash Value Insurance Contract" means a Cash Value Insurance Contract that—

- (a) provides coverage on individuals who are affiliated through an employer, a trade association or labour union, or other association or group; and
- (b) charges a premium for each member of the group (or member of a class within the group) that is determined without regard to the individual

health characteristics other than age, gender and smoking habits of the member (or class of members) of the group.

Related Entity

6. (1) For the purposes of the general reporting requirements in Section I of the Standard and application of the due diligence procedures described in Sections II to VII of the Standard, an Entity is a “Related Entity” of another Entity if—

(a) either Entity controls the other Entity;

(b) the two Entities are under common control; or

(c) the two Entities are Investment Entities described in subparagraph A(6)(b) of Section VIII of the Standard, are under common management, and such management fulfils the due diligence obligations of such Investment Entities.

(2) The control referred to in paragraphs (1)(a) and (b) includes direct or indirect ownership of more than fifty percent of the vote and value in an Entity.

Reporting obligation

7. (1) A Reporting Financial Institution shall, in respect of the calendar year 2017 and every following calendar year, furnish an information return to the Director General on or before 30 June of the year following the calendar year to which the return relates setting out the information required to be reported as described in paragraphs A and B of Section I of the Standard, subject to paragraphs C to E in Section I of the Standard, in relation to every Financial Account identified as a Reportable Account that is maintained by the Reporting Financial Institution at any time during a calendar year.

(2) For the purposes of subrule (1), each Reporting Financial Institution shall report the account balance or value, including, in the case of a Cash Value Insurance Contract or Annuity Contract, the Cash Value or surrender value, as at the end of the

relevant calendar year or, if the account was closed during such year, as at the closure of the account with respect to each Reportable Account maintained by such Reporting Financial Institution.

(3) If a Reporting Financial Institution applies the due diligence procedures described in rule 4 for a calendar year and no account is identified as a Reportable Account, the Reporting Financial Institution shall furnish to the Director General an information return which provides that the Reporting Financial Institution maintains no such Reportable Accounts in respect of that year.

(4) An information return shall be furnished on an electronic medium or by way of an electronic transmission in the format as may be determined by the Director General.

(5) A Reporting Financial Institution is not exempt from providing the information as required under these Rules by the reason that the Reporting Financial Institutions has the duty to not collect, use or disclose such information, whether imposed by the written law, the rules of law, any contract or any rules of professional disciplinary procedure, in respect of such information.

(6) For the avoidance of doubt, all information provided or obtained under these Rules may be used by the Director General for any purposes related to the administration of the Act and the Labuan Business Activity Tax Act 1990 [*Act 445*].

Records

8. (1) Every Reporting Financial Institution shall keep and retain in safe custody records that the Reporting Financial Institution obtains or creates for the purpose of complying with these Rules, including self-certifications and records of documentary evidence.

(2) Every Reporting Financial Institution required by these Rules to keep and retain in safe custody records and does so electronically shall retain them in an electronically readable format for the retention period referred to in subrule (4).

(3) Every Reporting Financial Institution that obtains or creates records in a language other than English shall, upon request of the Director General, provide an English translation.

(4) Every Reporting Financial Institution that is required to keep and retain in safe custody records that the Reporting Financial Institution obtains or creates under these Rules shall retain those records for a period of at least seven years following—

(a) in the case of a self-certification, the last day on which a related Financial Account is opened; and

(b) in any other case, the end of the last calendar year in respect of which the record is relevant.

Service providers

9. (1) A Reporting Financial Institution may appoint a third party as its agent to carry out the duties and obligations imposed on it under these Rules.

(2) Where a third party is appointed by a Reporting Financial Institution in accordance with subrule (1)—

(a) the Reporting Financial Institution shall, at all times, have access to and be able to produce, where so requested by the Director General, the records and documentary evidence used to identify and report on Reportable Accounts; and

(b) the Reporting Financial Institution is responsible for any failure of that third party to carry out the obligations of the Reporting Financial Institution rules and 10 and 11 shall apply to the Reporting Financial Institution notwithstanding that—

(i) the actions were the action of that third party; or

- (ii) the failure to act was the failure by that third party to act.

Powers of Director General

10. (1) The Director General may exercise all the powers vested in him under the Act to administer and enforce compliance with the provisions of the Arrangements and these Rules.

(2) The Director General may, by notice, require a Financial Institution to furnish to him within a time specified in the notice with such information including copies of any relevant books, records or other documents as the Director General may reasonably require for any purpose relating to the administration or enforcement of these Rules.

(3) The Director General may at all times have full and free access to enter any premises or place of business of a Financial Institution for the purposes of—

(a) administrating and implementing compliance with the provisions of the Arrangements and these Rules; and

(b) examining the procedures put in place by the Financial Institution for the purposes of ensuring compliance with that Financial Institution's obligations under these Rules.

(4) The Director General may make extracts from or copies of all or any part of the books, records or other documents or other material made available to him or require that copies of books, records or other documents be made available to him for any purpose relating to the administration or enforcement of these Rules.

Anti-avoidance

11. If the Director General has reason to believe that any person has entered into any arrangements or engages in a practice which has the direct or indirect effect of—

- (a) relieving any person from any liability which has arisen or which would otherwise have arisen to furnish to the Director General an information return;
- (b) evading or avoiding any obligation which is imposed or would otherwise have been imposed on any person under these Rules; or
- (c) hindering or preventing the operation of these Rules in any respect,

the Director General may, without prejudice to such validity as it may have in any other respect for any other purpose, disregard or vary the arrangement or the practice and make such adjustments as he thinks fit with a view to counteracting the whole or any part of any such direct or indirect effect of the arrangement or the practice.

Special provision for Passive NFE

12. (1) Subject to subrule (3), for the purposes of determining that an Entity is a Passive NFE with one or more Controlling Persons who are Reportable Persons under subparagraph D(2) of Section V and subparagraph A(2) of Section VI of the Standard, a Financial Institution is taken not to be a Passive NFE if—

- (a) the Financial Institution is an Investment Entity under subparagraph A(6)(b) of Section VIII of the Standard;
- (b) the Financial Institution is not a Participating Jurisdiction Financial Institution; and
- (c) the Financial Institution would be a Participating Jurisdiction Financial Institution if the jurisdictions declared to be committed jurisdictions under subrule (2) were Participating Jurisdictions.

(2) The Director General may declare one or more jurisdictions to be committed jurisdictions in a published list or in any other manner as he deems appropriate.

(3) For the purposes of subrule (1), a Financial Institution shall be taken not to be a Passive NFE for the years 2017 to 2019.

SCHEDULE
[Subrule 4(5)]

| <i>Item</i> (1) | <i>Provisions of the Standard</i> (2) | <i>Relevant date</i> (3) |
|--------------------|--|----------------------------------|
| 1. | Subparagraph C(6) of Section III | 30 June 2017 |
| 2. | Paragraph D of Section III: (a) in relation to a Preexisting Individual Accounts that is a High Value Account (b) in relation to a Preexisting Individual Accounts that is a Lower Value Account | 30 June 2018 30 June 2019 |
| 3. | Paragraph A of Section V | 30 June 2017 |
| 4. | Paragraph B of Section V: (a) in relation to a Preexisting Entity Account that has an aggregate account balance or value that exceeds USD250,000.00 (b) in relation to a Preexisting Entity Account that does not exceed USD250,000.00 | 30 June 2017 30 June 2017 |
| 5. | Subparagraph E(1) of Section V (a) in relation to a Preexisting Entity Account with an aggregate account balance or value that exceeds USD250,000.00 (b) the completion date for review | 30 June 2017 30 June 2019 |

| <i>Item</i> | <i>Provisions of the Standard</i> | <i>Relevant date</i> |
|-------------|---|----------------------|
| <i>(1)</i> | <i>(2)</i> | <i>(3)</i> |
| 6. | Subparagraph E(2) of Section V | 30 June 2017 |
| 7. | Subparagraph B(9)(a) of Section VIII | 1 January 2017 |
| 8. | Subparagraph B(9)(d) of Section VIII | 1 January 2018 |
| 9. | Subparagraph C(17)(f)(ii) of Section VIII | 1 July 2017 |

Made 19 December 2016

[Perb.0.6869/47(S).14)(SK.3)(3); LHDN.01/10.5-1/61-11; PN(PU2)80/LXXXV]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]